

Anjurkan aktiviti, bengkel paintball beri pendedahan luas

BINTULU: Penganjuran aktiviti dan bengkel paintball di universiti dapat membantu memberikan pendedahan yang lebih menyeluruh dalam kalangan pelajar.

Pegawai Kanan Psikologi Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Muhammad Abdul Rahim Habib berkata program seumpama

dapat memupuk semangat kerja berpasukan dan kesukanan yang seterusnya memberi manfaat dalam kehidupan.

“Program ini bukan sahaja mengajar kemahiran yang diperlukan untuk permainan tetapi juga menggalakkan kualiti seperti kerja berpasukan, berkomunikasi serta semangat kesukanan yang boleh memberi manfaat dalam pelbagai

aspek kehidupan, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Paintball Pursuit Expedition di UPMKB di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah Program, Rayner Junny dalam ucapannya berkata program tersebut adalah bertujuan membantu menyebarkan kesedaran terhadap kepelbagaian dan keunikan sukan paintball.

“Kami menawarkan pakej yang lebih baik dalam usaha mengurangkan beban kepada pemain baharu.

“Kami berharap program ini tidak hanya memberi pengalaman yang bermakna, tetapi juga membantu mengubah persepsi negatif tentang sukan paintball,” katanya.

Menurutnya, program itu pertama kalinya diadakan dengan menggunakan pembelajaran secara bersemuka, selain bengkel mempelajari teknik-teknik serta peralatan asas dalam sukan paintball.

“Kami juga berhasrat untuk menjadikan sukan paintball lebih mudah diakses dan dapat dicapai oleh lebih ramai orang,” ujarnya.



ILMU BAHARU... Aksi beberapa pelajar yang menyertai bengkel Program Paintball Pursuit Expedition yang diadakan di UPMKB, baru-baru ini. • Foto UPMKB